

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN : Datuk Raime bin Unggi minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah mekanisme bagi syarikat-syarikat yang terpilih untuk agihan beras nasional agar ianya tidak disalah guna.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Mekanisme yang digunakan oleh Kementerian bagi mengawal pengagihan beras nasional adalah melalui langkah-langkah penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di bawahnya. Antara lain, langkah-langkah bagi memastikan pengagihan Beras Nasional ini adalah termasuk tiga (3) peringkat pemeriksaan, iaitu:

- i. Pemeriksaan fizikal beras dan pengesahan inuis belian syarikat pemborong di pintu kilang BERNAS atau kilang-kilang wakil BERNAS;
- ii. Pemeriksaan akaun harian bagi belian, jualan dan baki stok beras syarikat-syarikat pemborong, termasuk inuis jualan kepada peruncit; dan

iii. Pemeriksaan akaun harian bagi belian, jualan dan baki kempit beras di kedai runcit, termasuk invois belian.

Selain itu, syarikat-syarikat pemborong yang terlibat dengan pengedaran Beras Nasional dikehendaki mengemukakan laporan belian, jualan dan baki stok kepada Pejabat KPB Negeri atau Cawangan setiap 2 minggu untuk tujuan pemantauan.

Mana-mana syarikat yang didapati melanggar mana-mana peraturan yang telah ditetapkan akan dikenakan tindakan sewajarnya termasuk pembatalan lesen.